




يونيو، سبتو سلطان زين العابدين  
**UnisZA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

# GARIS PANDUAN

## PENAWARAN PROGRAM PRASISWAZAH SALURAN PREMIUM



**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UnisZA)**

## **GARIS PANDUAN**

### **PENAWARAN PROGRAM PRASISWAZAH SALURAN PREMIUM**

#### **1. PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan memberikan panduan kepada Fakulti dan Pusat Tanggungjawab yang berkaitan untuk pelaksanaan Program Saluran Premium bagi peringkat prasiswazah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Program akademik saluran premium merupakan program yang ditawarkan secara laluan komersial selain dari Saluran Perdana menerusi Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (UPU), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Ia adalah saluran alternatif untuk pengambilan pelajar bagi program prasiswazah.

Program Pengajian yang ditawarkan melalui saluran premium adalah program yang dilaksanakan tanpa subsidi. Oleh itu, calon pelajar saluran premium perlu membuat bayaran yuran penuh.

#### **2. PELAKSANAAN**

##### **2.1 Enrolmen**

2.1.1 Penetapan had enrolmen pelajar prasiswazah di bawah saluran premium perlu mematuhi surat edaran JPT bertarikh 18 Januari 2024 No Rujukan JPT.S(G)2000/025/02 Jld. 5 (42).

2.1.1.1 Pengambilan dan enrolmen pelajar di bawah saluran premium tidak menjejaskan unjuran yang diperuntukkan di bawah saluran perdana menerusi UPU.

2.1.1.2 Pengambilan dan enrolmen saluran premium tertakluk kepada prinsip *over and above* pengambilan dan enrolmen saluran perdana. Cadangan unjuran enrolmen tahunan bagi saluran premium perlu mendapat kelulusan Senat.

- 2.1.1.3 Pertambahan enrolmen pelajar saluran premium hendaklah tertakluk kepada kapasiti pembelajaran dan pengajaran (PdP) berdasarkan *Code of Practice of Programme Accreditation* (COPPA) terkini bagi memastikan kualiti pendidikan tinggi yang ditawarkan tidak terjejas.

## **2.2 Syarat Kemasukan**

- 2.2.1 Syarat kemasukan pelajar melalui saluran premium adalah sama seperti syarat kemasukan saluran perdana.

## **2.3 Permohonan dan Pendaftaran**

- 2.3.1 Tatacara permohonan kemasukan saluran premium boleh dibuat melalui pautan <http://ilmu.unisza.edu.my>. Rujuk Carta Alir Proses Permohonan Pelajar di Lampiran 1 dan Carta Alir Semakan Permohonan di Lampiran 2.
- 2.3.2 Pendaftaran pelajar saluran premium akan dilakukan selepas pendaftaran saluran perdana.

## **2.4 Pengurusan Akademik**

- 2.4.1 Pelajar saluran premium hanya boleh memohon pertukaran program akademik ke program saluran premium sahaja sepanjang tempoh pengajian dan tertakluk kepada syarat kemasukan program.
- 2.4.2 Pelajar dari kemasukan saluran premium juga tertakluk kepada semua peraturan universiti.


### **3. Rujukan**

- 3.1 Penetapan Had Enrolmen Pelajar Prasiswazah Universiti Awam (Warganegara dan Bukan Warganegara) di bawah Saluran Komersial. Surat edaran JPT bertarikh 18 Januari 2024, No Rujukan JPT.S(G)2000/025/02 Jld. 5 (42).
  
- 3.2 Pengambilan Pelajar Melalui *Private Wing* Universiti Awam. Surat edaran JPT bertarikh 2 Jun 2023, No Rujukan JPT.BKPA.600-2/4/1 (29).

### **4. Tarikh kuatkuasa**

Garis panduan ini telah mendapat kelulusan Senat Bil. 8/2024 pada 31 Julai 2024.

**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN PELAJAR**



**CARTA ALIR PROSES SEMAKAN PERMOHONAN/PEMILIHAN CALON**

